

MyDIGITAL wujud 500,000 pekerjaan

Oleh ZAREEN HUMAIRAH
SEJAHAN

zareen.hs@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Pelancaran MyDIGITAL dijangka membuka 500,000 peluang pekerjaan dalam ekonomi digital menerusi inisiatif dan sasaran merentasi tiga fasa pelaksanaan sehingga 2030.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, MyDIGITAL juga dijangka menyumbang 22.6 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara.

“Selain itu, inisiatif-inisiatif di bawah naungan MyDIGITAL dapat memangkinkan 5,000

syarikat peringkat permulaan dalam masa lima tahun akan datang,” kata beliau ketika berucap pada Majlis Pelancaran MyDIGITAL dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia secara maya semalam.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri berkata, Malaysia berhasrat menjadi negara pertama di rantau ini yang membina ekosistem 5G menggunakan internet dan perkhidmatan awam dalam masa sebenar atau *real time*, untuk membolehkan maklumat dikongsi serta-merta.

“Bayangkanlah, teknologi 5G ini menjadi *gamechanger*, kerana akan wujud lebih

banyak perkhidmatan pintar yang membawa kesan langsung kepada kesejahteraan rakyat.

“Internet 5G bukan sekadar menjanjikan capaian internet yang lebih laju tetapi lebih penting ia memungkinkannya pelbagai aplikasi penting berada dalam genggaman pengguna, termasuk aplikasi pemantauan kesihatan bagi pesakit kronik, bantuan kecemasan pintar dan aplikasi khas bagi warga emas yang tinggal bersendirian, katanya.

